

21 JUL 2001

MAHATHIR-PANDANGAN

KERAJAAN TIDAK BIMBANG PERSEPSI NEGATIF

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan hari ini bahawa kerajaan tidak terlalu bimbang dengan persepsi negatif pengurus dana asing terhadap usahanya melaksanakan beberapa program penyusunan semula korporat.

"Kita tidak terlalu bimbang dengan persepsi mereka. Kita hanya akan bimbang jika kita meminta-meminta daripada orang lain, tetapi kita tidak melakukan perkara itu," katanya.

Beliau ditanya sama ada menaikkan gred terhadap penarafan matawang asing jangka panjang Petronas yang dimiliki oleh kerajaan membayangkan pembalikan dalam penerimaan dana asing terhadap usaha menyelamatkan syarikat Malaysia yang terjejas oleh krisis serantau.

Semalam, Moody's Investors Service telah menaikkan gred penarafan Petroliam Nasional Bhd (Petronas) kepada Baa1 daripada Baa2, lebih tinggi berbanding had tertinggi kedaulatan Malaysia.

"Mereka boleh menurunkan gred kita, mereka boleh melakukan apa yang mereka suka tetapi kita akan memastikan ekonomi negara ini dikendalikan dengan baik," kata Dr Mahathir kepada sidang akhbar selepas pelancaran model terbaru Proton, Juara, di sini.

Perdana Menteri juga ditanya sama ada bekas menteri kewangan kedua Datuk Mustapa Mohamed akan menggantikan Tun Daim Zainuddin sebagai pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

"Kami belum membuat sebarang keputusan lagi tetapi yang pastinya kami memerlukan pengganti Tun Daim," kata Dr Mahathir, yang kini memegang jawatan Menteri Kewangan berikutan peletakan jawatan Daim pada 1 Jun lalu.

Daim meletakkan jawatan daripada Kabinet dan juga MTEN. Mustapa ketika ini adalah penasihat kepada MTEN.

MTEN ditubuhkan sebagai badan perundangan kepada Kabinet "untuk menangani masalah-masalah ekonomi dan memulihkan ekonomi" selepas krisis kewangan 1997/98.

Mengenai penurunan yen Jepun berbanding dolar Amerika ketika ini, Dr Mahathir berkata dengan ringgit ditambatkan pada 3.80 berbanding dolar Amerika, import Jepun akan menjadi lebih murah.

Selain itu, beliau berkata Malaysia akan mendapat manfaat daripada kelemahan yen daripada segi pembayaran pinjaman yennya. -- BERNAMA

MAD MKO ZK